

KOLEJ KOMUNITI
BANDAR PENAWAR

BUKU TUTORIAL MIKROEKONOMI

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

RUJUKAN UNTUK PELAJAR
KOLEJ KOMUNITI

SARATULL NOR NATASHA BINTI SAFRI
PENSYARAH
KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

BUKU TUTORIAL **MIKROEKONOMI**



SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN



Hakcipta Terpelihara © Januari 2024

Kolej Komuniti Bandar Penawar
Kementerian Pendidikan Tinggi.

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat elektronik, mekanikal fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya, tanpa keizinan dari Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Diterbit dan diedar oleh :

Kolej Komuniti Bandar Penawar, Johor Darul Takzim

e ISBN: 978-629-99239-2-3



PRAKATA

Kursus Mikroekonomi merupakan salah satu subjek yang ditawarkan kepada pelajar semester 2 bagi program Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti. Secara ringkasnya kursus ini bertujuan tentang konsep dan teori asas ekonomi serta permasalahannya. Penekanan kursus ini adalah terhadap pengetahuan dan pemahaman tentang teori permintaan, penawaran, keseimbangan pasaran, pengeluaran dan kos pengeluaran. Selain itu, kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar dalam menentukan kecekapan pasaran dan kesan campur tangan kerajaan dalam pasaran.

‘Buku Tutorial Mikroekonomi’ merupakan buku yang menyediakan latihan berbentuk objektif dan subjektif mengikut topik. Segala latihan disusun serta diubahsuai oleh Puan Saratull Nor Natasha binti Safri. Pensyarah ini merupakan pensyarah dalam bidang yang telah berpengalaman mengajar melebihi 5 tahun.

Objektif modul ini diwujudkan adalah sebagai bahan pembelajaran sendiri pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan bagi membantu pelajar mendapatkan keputusan yang baik di dalam peperiksaan khususnya. Selain itu, bahan rujukan dan ulangkaji bagi peringkat Sijil Kolej Komuniti masih belum ada dipasaran. Kebanyakan bahan rujukan pelajar ini merupakan gabungan dari bahan rujukan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia serta pelajar Diploma Politeknik. Oleh itu, bahan rujukan ini diwujudkan mengikut silibus kursus SPP 20203 – Mikroekonomi semasa yang ditawarkan di Kolej Komuniti.

ISI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	TOPIK 1 - PENGENALAN EKONOMI	1- 6
2	TOPIK 2 -PERMINTAAN, PENAWARAN DAN KESEIMBANGAN PASARAN	7 - 12
3	TOPIK 3 - TEORI PENGELUARAN	8 - 21
4	TOPIK 4 - TEORI KOS PENGELUARAN	22 - 29
5	TOPIK 5 - STRUKTUR PASARAN, PENENTUAN HARGA DAN OUTPUT KESEIMBANGAN PASARAN	30 - 36
6	SKEMA JAWAPAN	37



TOPIK 1 PENGENALAN EKONOMI

OBJEKTIF

1. Ilmu ekonomi ialah satu bidang yang mengkaji bagaimana

- A. sumber ekonomi yang terhad diuruskan untuk memaksimumkan keuntungan.
- B. sumber ekonomi yang terhad diuruskan untuk memaksimumkan kepuasan.
- C. sumber ekonomi yang terhad diagihkan untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.
- D. sumber ekonomi digunakan untuk mengeluarkan barangan yang tidak terhad untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi.

2. Buruh dan usahawan berbeza daripada aspek

- A. latihan dan kemahiran.
- B. risiko yang perlu ditanggung.
- C. keupayaan berpindah tempat.
- D. kepentingan dalam proses pengeluaran

3. Masalah asas ekonomi ialah satu bidang yang mengkaji bagaimana


- A. ketidakcekapan pengeluaran ekonomi.
- B. kehendak masyarakat yang tidak terhad.
- C. sumber ekonomi tidak digunakan secara optimum.
- D. agihan pendapatan yang tidak ketara dalam masyarakat

4. Penerbitan keluk kemungkinan pengeluaran adalah berdasarkan andaian

- A. tingkat teknologi adalah tetap.
- B. sumber ekonomi adalah terhad.
- C. kuantiti sumber ekonomi bertambah.
- D. sebahagian daripada sumber digunakan.

5. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi

Barang Modal




Kombinasi barang yang dapat dikeluarkan ialah

- A. M dan N
- B. M , N dan Q
- C. M, N , Q dan P
- D. M, N, O dan P

6. Dalam gambar rajah di bawah, MP ialah keluk kemungkinan pengeluaran bagi sebuah negara

Barang Modal



Faktor manakah yang akan menghalang negara itu daripada mencapai kombinasi pengeluaran pada titik R?

- A. Peningkatan kemahiran tenaga buruh.
- B. Peningkatan teknologi dalam pengeluaran.
- C. Penyekatan kemasukan tenaga buruh asing.
- D. Pengaliran masuk pelaburan langsung asing.

7. Antara yang berikut, yang manakah diandaikan malar apabila melukis keluk kemungkinan pengeluaran?

- A. indeks harga pengguna
- B. penetapan cukai oleh kerajaan
- C. skala pada paksi yang digunakan.
- D. jumlah faktor pengeluaran yang digunakan.

8. Kriteria asas yang membezakan sistem ekonomi adalah seperti berikut **KECUALI**

- A. jenis barang yang dikeluarkan.
- B. agihan pendapatan masyarakat.
- C. pemilikan sumber ekonomi.
- D. pembuat keputusan ekonomi

9. Masalah apa dan berapa banyak sesuatu barang dikeluarkan dalam sistem ekonomi pasaran bebas diselesaikan melalui

- A. citarasa masyarakat.
- B. kuasa permintaan dan penawaran.
- C. jumlah wang yang beredar di pasaran.
- D. jumlah kuantiti yang diminta oleh pengguna.

10. Berikut merupakan sebab untuk kerajaan campur tangan dalam kegiatan ekonomi **KECUALI**

- A. mewujudkan kestabilan ekonomi.
- B. mengelakkan kewujudan monopoli.
- C. menghapuskan kesan luaran yang positif.
- D. merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan golongan miskin.

SUBJEKTIF

1 .Antara sumber ekonomi yang terlibat dalam proses pengeluaran ialah usahawan dan buruh.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan usahawan? [2]
- b) Huraikan perbezaan antara usahawan dengan buruh? [8]

2. Berdasarkan contoh yang sesuai, huraikan perbezaan antara

- a) barang percuma dengan barang ekonomi. [5]
- b) barang awam dengan barang persendirian [5]

3. Jadual di bawah menunjukkan kombinasi barang A dan barang B yang boleh di keluarkan oleh sesebuah ekonomi.

Kombinasi	A	B	C	D	E	F
Barang A (unit)	0	6	11	15	18	20
Barang B (unit)	5	4	3	2	1	0

- a) Berikan DUA andaian untuk menerbit keluk kemungkinan pengeluaran [2]
- b)Hitungkan kos lepas per unit barang B pada setiap kombinasi [5]
- c) Jika ekonomi mengeluarkan 15 unit barang A, berikan satu contoh kombinasi barang yang menunjukkan kewujudan pengangguaran. [1]
- d) Andaikan pertambahan faktor pengeluaran dalam pengeluaran barang A telah menyebabkan keluaran barang A bertambah sebanyak 25%. Sediakan jadual kemungkinan pengeluaran yang baru. [2]


SUBJEKTIF

4. Jadual di bawah adalah kombinasi barang modal dan barang pengguna yang dapat dikeluarkan oleh sebuah negara.

Kombinasi	A	B	C	D	E	F	G
Barang Modal (unit)	0	10	20	30	40	50	60
Barang Pengguna (unit)	210	200	180	150	110	60	0

- a) Adakah negara itu dapat mengeluarkan kombinasi barang 40 unit barang modal dan 150 unit barang pengguna? Jelaskan jawapan anda. [2]
- b) Bagi setiap kombinasi barang, hitung kos lepas seunit
 - (i) barang pengguna [2]
 - (ii) barang modal [2]
- c)Nyatakan sifat kos lepas negara itu. Jelaskan jawapan anda. [2]
- d) Lukis keluk kemungkinan pengeluaran negara itu pada kertas graf. [2]

5. Huraikan ciri-ciri yang membezakan sistem ekonomi perancangan pusat dengan sistem ekonomi pasaran bebas ? [10]



TOPIK 2

PERMINTAAN, PENAWARAN DAN KESEIMBANGAN PASARAN EKONOMI

OBJEKTIF

1 . Jadual berikut menunjukkan kuantiti barang yang diminta pada pelbagai tingkat harga

HARGA (RM)	KUANTITI DIMINTA (UNIT)
1	20
2	15


Fungsi permintaan barang itu ialah

- A. $Q_d = 25 - 10P$
- B. $Q_d = 25 - 5P$
- C. $Q_d = 30 + 5P$
- D. $Q_d = 30 - 10P$

2. Jangkaan bahawa harga rumah akan menurun pada masa hadapan akan menyebabkan

- A. keluk permintaan rumah beralih ke kiri
- B. keluk permintaan rumah tidak berubah
- C. keluk penawaran rumah beralih ke kanan
- D. keluk permintaan rumah beralih ke kanan

3. Rajah menunjukkan keluk penawaran (SS) suatu barang.




Fungsi penawaran bagi barang tersebut ialah

- A. $Q_s = 5 + 2P$
- B. $Q_s = 10 + 3P$
- C. $Q_s = 15 + 4P$
- D. $Q_s = 20 + 5P$

4. Pertambahan dalam permintaan dan penawaran suatu barang yang serentak akan menyebabkan

- A. harga naik tetapi kuantiti keseimbangan berkurang.
- B. harga turun tetapi kuantiti keseimbangan bertambah
- C. perubahan harga tidak dapat ditentukan tetapi kuantiti keseimbangan bertambah
- D. perubahan harga dan kuantiti keseimbangan tidak dapat ditentukan

5. Keluk penawaran industri beralih ke kanan jika
- A. terdapat pertambahan firma dalam industri
 - B. berlaku kenaikan dalam pendapatan pengguna
 - C. terdapat beberapa buah firma meninggalkan industri.
 - D. citarasa masyarakat terhadap sesuatu barang meningkat
6. Pengguna akan menikmati lebih pengguna apabila harga yang sanggup dibayar oleh pengguna
- A. sama dengan harga minimum.
 - B. sama dengan harga maksimum.
 - C. lebih tinggi daripada harga pasaran.
 - D. lebih rendah daripada harga pasaran.
7. Gambar rajah menunjukkan keluk permintaan (DD) dan keluk penawaran (SS)



Berapakah lebih pengguna?

- A. RM300
- B. RM325
- C. RM350
- D. RM375

8. Berikut ialah fungsi penawaran (Q_s) bagi sesuatu barang.

$$Q_s = -10 + 5P$$

Dengan P ialah tingkat harga dalam RM. Pada $P = \text{RM}5.00$, keluk penawaran tersebut ialah

- A. anjal
- B. tak anjal
- C. anjal satu
- D. anjal sempurna

9 . Diberi kenaikan pendapatan daripada RM1,000 kepada RM1,100 telah menyebabkan kuantiti diminta terhadap barang X bertambah daripada 50 unit kepada 60 unit. Apakah nilai keanjalan permintaan pendapatan barang X?

- A. 1.0
- B. 1.5
- C. 2.0
- D. 2.5

10 . Berikut ialah fungsi permintaan (Q_d) dan fungsi penawaran (Q_s) bagi sesuatu barang.

$$Q_d = 200 - 25P$$

$$Q_s = 100 + 25P$$

dengan P ialah harga (RM). Penetapan harga maksimum pada RM5.00 per unit menyebabkan

- A. lebihan penawaran sebanyak 150 unit
- B. lebihan permintaan sebanyak 150 unit
- C. lebihan permintaan sebanyak 125 unit
- D. lebihan penawaran sebanyak 175 unit

SUBJEKTIF

1 . Huraikan **LIMA** faktor yang menyebabkan kenaikan permintaan terhadap kereta tempatan? [10]

2. Fungsi permintaan dan penawaran bagi daging lembu adalah seperti berikut :

$$P = 20 - 2Q$$

$$P = 5 + 3Q$$

dengan P = harga (RM/kg)

Q = kuantiti daging lembu ('000 kg)

a) Hitung harga dan kuantiti keseimbangan. [2]

b) Berapakah lebihan pengguna pada titik keseimbangan? [2]

c) Sekiranya kerajaan mengenakan cukai per unit sebanyak RM2.00 sekilogram ke atas pengeluar, hitung

(i) harga dan kuantiti keseimbangan [2]

(ii) perubahan lebihan pengguna [2]

d) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan dan penawaran daging lembu sebelum dan selepas cukai dikenakan. [2]

3 . Huraikan **LIMA** faktor yang menyebabkan kenaikan permintaan terhadap kereta tempatan? [10]

4 . a) Apakah yang dimaksudkan dengan penawaran anjal? [2]

b) Terangkan EMPAT faktor yang dapat menyebabkan penawaran sesuatu barang menjadi anjal? [8]

5 . Jadual berikut menunjukkan harga ikan, kuantiti ikan diminta, dan kuantiti diminta ayam daging diminta oleh seorang pengguna.

Harga ikan (RM/kg)	6	8	10	12	14	16	18
Kuantiti ikan diminta (kg)	14	12	10	8	6	4	2
Kuantiti ayam daging diminta (kg)	8	9	10	11	12	13	14

a) Hitung jumlah perbelanjaan pengguna itu terhadap ikan pada setiap tingkat harga. [2]

b) Hitung keanjalan permintaan silang ikan apabila harga ikan :

(i) RM6 [2]

(ii) RM 14 [2]

c) Hitung keanjalan permintaan silang antara ikan dengan ayam daging apabila harga ikan naik daripada RM10 kepada RM12. Berdasarkan jawapan anda, nyatakan hubungan antara ikan dengan ayam daging. [4]



TOPIK 3


TEORI

PENGELUARAN

OBJEKTIF

1. Antara yang berikut, yang manakah merupakan punca kepada pulangan sut berkurangan?
 - A. Teknologi adalah tidak tetap
 - B. Terdapat input tetap dalam proses pengeluaran.
 - C. Semua faktor dapat diubah dalam proses pengeluaran
 - D. Firma sempat membuat perancangan dalam proses pengeluaran.
2. Dalam teori pengeluaran, ekonomi berada pada tahap kecekapan apabila
 - A. kombinasi input mempunyai kos malar
 - B. kombinasi input yang memaksimumkan output
 - C. kombinasi input yang meminimumkan kos pengeluaran.
 - D. kombinasi antara input tetap dengan input berubah yang secocok.
3. Keluk perancangan sesebuah firma adalah merujuk kepada keluk.
 - A. kos sut jangka pendek.
 - B. kos sut jangka panjang.
 - C. kos purata jangka pendek.
 - D. kos purata jangka panjang.


4. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluaran purata (AP) dan keluaran sut (MP) bagi sebuah firma.



Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **BENAR** ketika penggunaan buruh OL

- A. upah buruh adalah OL
- B. Jumlah keluaran sedang menurun
- C. Keluaran purata adalah maksimum
- D. Jumlah keluaran adalah maksimum.

5. MP dalam gambar rajah di bawah menggambarkan keluaran sut.



Keluaran Purata lebih besar daripada keluaran sut selepas titik

- A. O
- B. P
- C. Q
- D. R

6. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara bilangan buruh dengan jumlah keluaran.

Bilangan Buruh (unit)	Jumlah Keluaran (unit)
0	0
1	4
2	10
3	17
4	23
5	28
6	31
7	32
8	32
9	30

Hukum Pulangan Sut berkurangan mula berlaku pada unit buruh yang ke

- A. 2
- B. 4
- C. 6
- D. 8

7. Diberi jumlah keluaran buruh yang pertama ialah 30 unit. Apabila buruh yang kedua digunakan, keluaran purata menjadi 45 unit. Berapakah keluaran sut bagi buruh yang ke-2?

- A. 50 unit
- B. 60 unit
- C. 70 unit
- D. 80 unit

8. Pulangan sut berkurangan berlaku apabila

- A. jumlah keluaran berkurangan tetapi masih bernilai positif
- B. jumlah keluaran berkurangan seterusnya mencapai negatif
- C. jumlah keluaran meningkat dengan kadar semakin berkurang
- D. jumlah keluaran meningkat dengan kadar semakin bertambah

9. Yang manakah berikut adalah BENAR tentang hubungan antara jumlah keluaran (TP) dengan keluaran sut (MP)?

- A. Apabila keluaran sut meningkat, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang bertambah.
- B. Apabila keluaran sut meningkat, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang berkurangan.
- C. Apabila keluaran sut menurun, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang bertambah.
- D. Apabila keluaran sut menurun, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang bertambah.

10. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh dengan jumlah keluaran bagi sebuah firma.

Buruh (unit)	Jumlah Keluaran (unit)
2	10
3	18
4	24
5	28
6	31

Pada unit buruh ke berapakah keluaran purata akan menyamai keluaran sut?

- A. 3 unit
- B. 4 unit
- C. 5 unit
- D. 6 unit

SUBJEKTIF

1 . a) Jelaskan maksud keluaran purata dan keluaran sut?

[4]

b) Nyatakan **TIGA** hubungan jumlah keluaran dengan keluaran sut?

[6]

2 . a) Berikan maksud :

(i) input tetap dan input berubah

[2]

(ii) jangka masa pendek dan jangka masa panjang

[2]

b) Terangkan mengapa firma boleh meningkatkan pengeluaran dengan banyak dalam jangka masa panjang berbanding dengan jangka masa pendek?

[6]

3. Jadual berikut menunjukkan hubungan jumlah keluaran suatu firma dengan bilangan buruh yang digunakan. Input-input lain diandaikan tetap.

Buruh (unit)	Jumlah Keluaran (unit)
0	0
1	80
2	200
3	330
4	400
5	450
6	480
7	490
8	480

- a) Pada tingkat output, hitungkan

(i) keluaran purata

(ii)keluaran sut

[3]

[3]
- b) Berdasarkan jadual , nyatakan hubungan antara

(i) jumlah output dengan keluaran sut

(ii)keluaran purata dengan keluaran sut

[2]

[2]

4. Jadual berikut menunjukkan jumlah keluaran pada pelbagai tingkat pengguna tenaga buruh.

Buruh (unit)	Jumlah Keluaran (unit)
1	10
2	26
3	36
4	44
5	50
6	54
7	56
8	55
9	53
10	50

- a) Pada tingkat output, hitungkan

(i) keluaran purata

(ii)keluaran sut

[3]

[3]
- b) Sekiranya buruh dibayar upah keluaran firma, tentukan bilangan buruh yang akan digunakan untuk memaksimumkan keuntungan apabila upah buruh ialah

(i) 6 unit keluaran

(ii)10 unit keluaran

[2]

[2]

5. Jadual berikut menunjukkan jumlah keluaran pada pelbagai tingkat pengguna tenaga buruh.

Buruh (unit)	Jumlah Keluaran (unit)
0	0
1	20
2	50
3	90
4	110
5	110
6	90

- a) Pada setiap tingkat output, hitungkan
(i) keluaran purata [2]
(ii) keluaran sut [2]
- b) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk keluaran purata dan keluaran sut. [4]
- c) Jelaskan hubungan antara keluaran purata dengan keluaran sut. [2]



TOPIK 4 TEORI KOS PENGELUARAN

OBJEKTIF

1. Yang manakah berikut merupakan kos implisit

- A. Gaji pekerja
- B. Bil air dan elektrik
- C. Kos membeli bahan input
- D. Kos penggunaan premis milik sendiri


2. Kos eksplisit untuk mengeluarkan

- A. tambahan kos apabila firma menambahkan satu unit output
- B. kos yang ditanggung firma apabila firma mencapai keseimbangan output.
- C. semua perbelanjaan yang dibayar oleh firma kepada faktor pengeluaran.
- D. kos yang ditanggung firma apabila firma mencapai kecekapan pengeluaran.

3. Diberi fungsi jumlah kos (TC) sebuah firma ialah $TC=120+25Q$ di mana Q ialah tingkat output. Berapakah kos purata firma pada output 10 unit?

- A. RM25
- B. RM37
- C. RM45
- D. RM52

4. Gambar rajah berikut menunjukkan keluk jumlah kos (TC), kos berubah (TVC) dan kos tetap (TFC).



Jumlah kos tetap dapat diwakili oleh jarak

- A. PQ
- B. PR
- C. QR
- D. QS

5. Jadual berikut menunjukkan tingkat kos berubah purata pada pelbagai tingkat output.


- A. RM25
- B. RM37
- C. RM45
- D. RM52

Output (unit)	Kos berubah purata (RM)
2	22.0
4	15.5
6	12.5
8	12.5

6. Kos sut akan menyamai kos purata apabila

- A. kos sut minimum
- B. kos purata menurun
- C. kos purata minimum
- D. kos purata meningkat


7. Gambar rajah berikut menunjukkan keluk kos sut (MC), kos purata (AC) dan kos berubah purata (AVC) sebuah firma.



Berapakah jumlah kos firma itu pada tingkat output 40 unit

- A. RM168
- B. RM250
- C. RM750
- D. RM1,000

8. Gambar rajah berikut menunjukkan keluk kos sebuah firma.



Berapakah kos tetap firma itu

- A. RM168
- B. RM250
- C. RM750
- D. RM1,000

9. Kos berubah purata bagi sebuah firma adalah seperti yang berikut.

Output (unit)	2	4	6	8	10
Kos berubah purata (RM)	8	9	10	11	12

Jika kos tetap firma ini ialah RM32, maka kos sut bagi mengeluarkan 6 unit output ialah

- A. RM10
- B. RM14
- C. RM12
- D. RM16

10. Jika kos sut berkurang daripada kos berubah purata ketika output sedang meningkat, ini bermakna bahawa

- A. kos purata sedang meningkat
- B. kos berubah purata sedang menurun
- C. kos berubah purata sedang meningkat
- D. kos purata lebih rendah daripada kos sut

SUBJEKTIF

- 1 . a) Huraikan perbezaan antara kos eksplisit dan kos implisit? [4]
- b) Bagaimanakah hukum pulangan berkurang mempengaruhi keluk kos purata jangka pendek? [6]
- 2 . Dengan menggunakan gambar rajah, terangkan sebab keluk kos purata jangka pendek berbentuk 'U'? [10]
- 3 . Persamaan berikut menunjukkan kos pengeluaran untuk firma A.

$$C = 65 + 4Q$$

Dengan C = Jumlah kos (RM)

Q = Kuantiti keluaran (unit)

- a) Berdasarkan persamaan di atas, terangkan jenis-jenis kos yang terlibat. [1]
- b) Nyatakan sama ada firma beroperasi dalam jangka pendek atau jangka panjang. Jelaskan. [2]
- c) Hitungkan kos tetap purata , kos berubah purata dan kos purata firma pada keluaran 30 unit. [3]
- d) Hitung kos sut firma apabila firma menambahkan keluaran daripada 50 unit kepada 55 unit. Terangkan jawapan anda. [4]

SUBJEKTIF

4. Persamaan kos pengeluaran untuk firma A adalah seperti berikut:

$$TC = 25 + 2Q^2$$

Di mana TC = jumlah kos (RM)

Q = kuantiti keluaran (unit)

a) Bolehkah struktur kos tersebut wujud dalam jangka masa panjang. [2]

b) Pada tingkat output 10 unit, hitung

(i) kos berubah [2]

(ii) jumlah kos [2]

(iii) kos purata [2]

c) Hitung kos sut firma apabila output bertambah daripada 10 unit ke 20 unit. [2]


5. Jadual di bawah menunjukkan tingkat output dan kos bagi firma A dan firma B pada output Q_A dan Q_B

Output (unit)	Jumlah kos (RM)	Kos Tetap Purata (RM)	Kos Purata (RM)
Q_A	800	7.00	8.00
Q_B	960	8.00	12.00

a) Hitung

- (i) output Q_A dan Q_B [2]
- (ii) jumlah kos berubah bagi output Q_A dan Q_B [2]
- (iii) kos tetap firma A dan B [2]

b) Diberi jumlah hasil yang diterima oleh firma A dan firma B masing-masing ialah RM300.00. Adakah firma A dan B akan memberhentikan operasinya. Jelaskan. [4]



TOPIK 5

STRUKTUR PASARAN, PENENTUAN HARGA DAN OUTPUT KESEIMBANGAN PASARAN

OBJEKTIF

1 . Struktur pasaran dapat dibezakan berdasarkan ciri berikut kecuali

- A. Bilangan firma
- B. Kebebasan keluar masuk
- C. Jenis barang yang dikeluarkan
- D. Matlamat firma mengeluarkan barang


2. Keluk permintaan firma dalam pasaran persaingan sempurna bersifat anjal sempurna kerana

- A. firma ialah penerima harga
- B. firma mempunyai kuasa menentukan harga
- C. firma mempunyai kuasa menentukan kuantiti
- D. firma mempunyai bahagian yang kecil dalam pasaran

3. Kebaikan pasaran persaingan sempurna berbanding dengan struktur pasaran ialah ekonomi

- A. tanpa masalah pengangguran
- B. mencapai guna tenaga penuh
- C. mencapai kecekapan peruntukan
- D. tanpa mengalami masalah inflasi

4 . Gambar rajah di bawah menunjukkan keadaan sebuah firma monopoli yang mengalami kerugian dalam jangka pendek.



Berapakah kos tetap yang tidak dapat ditampung oleh firma tersebut?

- A. RM5
- B. RM10
- C. RM40
- D. RM50

5. Sebuah firma monopoli mendapati hasil sut (MR) dan kos sutnya (MC) adalah seperti berikut :

$$MR = RM7.00$$

$$MC = RM12.00$$


Untuk memaksimumkan keuntungannya, firma itu harus

- A. menurunkan harga outputnya untuk meningkatkan outputnya.
- B. mengurangkan output dan mengekalkan tingkat harganya
- C. menaikkan harga output dan mengurangkan tingkat output
- D. menurunkan harga output dan mengekalkan tingkat output

6 . Pasaran monopoli tidak mencapai kecekapan peruntukan kerana

- A. harga keluaran melebihi kos sut
- B. harga keluaran melebihi kos purata
- C. firma memperoleh untung lebih normal
- D. output tidak dikeluarkan pada kos purata minimum

7. Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk kos purata (AC), kos berubah (AVC), kos sut (MC) hasil sut (MR) dan hasil purata (AR) firma pasaran monopoli



Pada output keseimbangan, firma ini mengalami

- A. untung lebih normal sebanyak RM30
- B. untung lebih normal sebanyak RM140
- C. untung kurang normal sebanyak RM40
- D. untung kurang normal sebanyak RM60

8. Yang berikut ialah bentuk persaingan bukan harga yang dilakukan oleh firma persaingan bemonopoli **KECUALI**

- A. penjenamaan
- B. diskaun harga
- C. pembungkusan
- D. perkhidmatan lepas jualan

9. Antara yang berikut, yang manakah kebaikan firma persaingan bemonopoli?

- A. firma mencapai kecekapan peruntukan
- B. pengguna mempunyai lebih banyak pilihan
- C. firma mengeluarkan keluaran pada tingkat kos purata minimum
- D. firma beroperasi secara besar-besaran untuk menikmati ekonomi bidangan

10. Yang manakah berikut adalah **BENAR** bagi sebuah firma dalam pasaran persaingan bemonopoli dalam jangka panjang?

- A. harga sama dengan kos purata
- B. kos sut sama dengan kos purata
- C. hasil sut sama dengan kos purata
- D. hasil purata sama dengan hasil sut

SUBJEKTIF

1 . a) Huraikan **TIGA** faktor yang boleh mewujudkan monopoli? [6]

b) Terangkan mengapa firma monopoli tidak mencepai kecekapan pengeluaran dan kecekapan peruntukan ? [4]

2 . Huraikan **LIMA** perbezaan antara firma pasaran persaingan sempurna dengan firma pasaran persaingan bemonopoli? [10]

3 . Terangkan keadaan firma monopoli dalam jangka pendek yang memperoleh

a) untung lebih normal [5]

b) untung normal [5]

4 . Diberi fungsi jumlah kos sebuah firma adalah seperti berikut: $TC = 120 + 4Q$

TC = jumlah kos

Q = kuantiti keluaran

Diberi firma mencapai keseimbangan dengan mengeluarkan 100 unit pada harga RM2 seunit.

- a) Hitung kos tetap, kos berubah dan jumlah kos firma itu? [3]
- b) Hitung keuntungan firma? [2]
- c) Adakah firma ini masih boleh meneruskan operasi? [2]
- d) Pada tingkat keluaran yang sama, berapakah harga minimum yang perlu diterima oleh firma untuk meneruskan operasi? [3]

5 . Jadual berikut menunjukkan hubungan antara tingkat output dengan jumlah kos bagi sebuah firma monopoli.

Output (unit)	0	1	2	3	4	5	6	7	8
Jumlah kos (RM)	10	18	23	25	27	28	32	40	50

Fungsi permintaan firma itu adalah seperti berikut:

$$P = 17 - Q$$

Dengan P = harga (RM) dan Q = kuantiti (unit)

- a) Hitung kos purata, kos sut, hasil purata dan hasil sut bagi setiap tingkat output? [4]
- b) Untuk memaksimumkan keuntungan , tentukan harga dan kuantiti output yang harus dikeluarkan? [2]
- c) Hitungkan jumlah keuntungan firma pada output keseimbangan? [2]
- d) Berapakah lebihan pengguna pada tingkat harga keseimbangan? [2]

SKEMA JAWAPAN & FORMULA





**KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR
JALAN UNGKU ABD AZIZ
81930 BANDAR PENAWAR
JOHOR**

e ISBN 978-629-99239-2-3



9 786299 923923